

# IQRA'

Bil. 1/2023  
JANUARI



**Kunjungan Hormat PTAR ke atas Penolong Naib Canselor (Keusahawanan) PTAR Shah Alam - muka 4**



**Program Mobile Library (Sesi 1), Kolej Pengajian Kejuruteraan PKEJ - muka 7**



**Hari Terbuka PTAR UITM Cawangan Melaka PTAR Kampus Alor Gajah - muka 11**



**Program SharingRizq@Library UITM Cawangan Terengganu PTA Kampus Dungun - muka 18**



**Bengkel "Refresh Your Skills@PTA" PTAR Kampus Machang - muka 26**

## PROMOSI@PTAR



## KUNJUNGAN HORMAT PTAR KE ATAS PENOLONG NAIB CANSOLOR (KEUSAHAWANAN)

9 JANUARI 2023

*Disediakan oleh: Asmah Sabtu*

**BULETIN  
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
SHAH ALAM



Shah Alam, 9 Januari 2023 – PTAR telah memulai kolaborasi pertama tahun ini apabila telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Penolong Naib Canselor (Keusahawanan) YBhg. Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang.

Kunjungan yang amat mesra ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat, aras 3, Kompleks Keusahawanan. Seramai 11 orang terlibat dalam pertemuan yang diadakan pada hari Isnin, jam 2:30 petang.

Memulakan bicara, YBhg. Prof. Ts. Dr. Salmiah telah mengalu-alukan kehadiran wakil PTAR seramai lima orang yang diketuai oleh Ketua Timbalan Pustakawan Tuan Ts. Hj. Azizi Jantan.

Selaku jabatan yang menganjur pertemuan ini, Tuan Ts. Hj. Azizi telah menyampaikan taklimat ringkas berkenaan prasarana terkini PTAR termasuk koleksi keusahawan. Dengan penyampaian yang santai namun berkesan, taklimat disampaikan telah menarik minat wakil MASMED untuk bertandang ke PTAR.

Selanjutnya, pertemuan ini turut membincangkan program-program yang boleh dirintis dan dijayakan secara bersama. Kekuatan dan kepakaran antara jabatan seharusnya saling berhubung agar manfaat yang lebih besar diperoleh oleh keseluruhan warga universiti.

Di akhir pertemuan selama satu jam ini, kedua-dua pihak telah menyatakan komitmen yang tidak berbelah bahagi demi menjayakan program bersama sepanjang tahun ini.

